

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2022

HARI SELASA : 4 OKTOBER 2022

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 7, 9 HINGGA NO. 53)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH
BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD
[BEAUFORT]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD [BEAUFORT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk menggalakkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menyambung pengajian dalam bidang TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran memainkan peranan penting dalam melahirkan bakat baru dan menggalakkan pelajar lepasan sekolah menyambung pengajian dalam bidang TVET melalui pembiayaan latihan kemahiran. Pada tahun 2022, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bertanggungjawab untuk menguruskan Dana Latihan TVET dan Dana Pembiayaan i-MAHIR berjumlah RM182 juta. Peruntukan ini dijangka akan memberi peluang kepada 12,250 orang pelatih untuk mengikuti program latihan di bawah Persijilan Kemahiran Malaysia. Bagi tahun 2022, sehingga 31 Ogos 2022 seramai 9,042 orang telah dibiayai di bawah kedua-dua dana ini dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM171.96 juta.

Selain itu, Kerajaan melalui inisiatif Belanjawan Tahun 2022 telah meluluskan peruntukan Dana Pembiayaan PERKASA TVET 1.0 sebanyak RM100 juta bagi latihan kemahiran jangka pendek dan mempunyai jaminan pekerjaan setelah pelatih menamatkan latihan. Sehingga 31 Ogos 2022, peruntukan sebanyak RM 74.8 juta telah diagihkan yang dijangka akan dibuat penempatan pekerjaan kepada seramai 13,428 orang pelatih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
(HULU RAJANG)**

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang) minta MENTERI
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR menyatakan:-**

- (a) status pelaksanaan projek naik taraf jalan ke Skim Penempatan Semula Metalun dan Tegulang; dan
- (b) status pelaksanaan jalan dari Rumah Nyamuk, Nanga Gaat dan Sungai Kain seperti yang dicadangkan dalam RMK-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Projek Menaiktaraf Jalan Balak Ke Penempatan Semula Tegulang (Fasa 5) Di Kapit Sarawak dan Projek Menaiktaraf Jalan Balak Ke Penempatan Semula Metalun (Fasa 6) Di Kapit, Sarawak adalah projek yang telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Sebelas (RP3, RMKe-11) Tahun 2018 dengan siling peruntukan masing-masing sebanyak RM61.0 juta dan RM112.0 juta.

Status semasa bagi kedua-dua projek adalah di peringkat reka bentuk terperinci dan dijangka ditender pada Disember 2022.

Manakala bagi jalan dari Rumah Nyamuk, Nanga Gaat dan Sungai Kain telah diluluskan di bawah tajuk Projek Jalan Ng Gaat/Ng Sebiro/Rh Tungku Sg. Gaat, Bahagian Kapit di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12) Tahun 2021 dengan kos projek sebanyak RM180.0 juta. Skop projek ini adalah membina jalan sepanjang 30km standard JKR R1 termasuk tiga (3) buah jambatan. Projek ini telah mendapat kelulusan pertapakan daripada Kerajaan Sarawak pada 28 Julai 2022 dan dijangka dapat ditender pada suku ketiga tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH JAWAB : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membantu menyelesaikan isu rumah-rumah pangsapuri yang kian banyak mengalami masalah keretakan bangunan dan pelbagai lagi isu keselamatan bangunan yang boleh mengancam nyawa penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM250 juta bagi Program Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (PPP) dan RM250 juta bagi Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) untuk dilaksanakan di seluruh negara. TPPM merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan bagi membantu penghuni-penghuni perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah swasta bagi membaik pulih dan menyelenggara harta bersama, manakala PPP pula dengan tujuan yang sama untuk perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah awam. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan/ Agensi di bawah kerajaan negeri merupakan agensi pelaksana yang dipantau oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara bagi melaksanakan projek-projek penyelenggaraan ini.

Baik pulih dan penyelenggaraan yang dilaksanakan di bawah kedua-dua program ini adalah merangkumi skop seperti berikut:

- i. membaiki atau mengganti lif;
- ii. membaiki atau mengganti tangki air & sistem retikulasi;
- iii. membaiki atau mengganti paip sanitari;
- iv. membaiki atau mengganti bumbung;
- v. membaiki atau mengganti tangga dan susur tangan (*handrail*);
- vi. mengecat semula bangunan dan harta bersama (setiap 10 tahun);
- vii. pendawaian semula dan kerja elektrik;
- viii. membaiki atau mengganti kemudahan/ infrastruktur awam yang melibatkan harta bersama (*common property*);
- ix. mengganti atau membina pagar di sekeliling kawasan pemajuan; dan

SOALAN NO: 10

- x. pembaikan cerun di dalam kawasan pemajuan.

Buat masa ini, inisiatif bantuan penyelenggaraan ini dilaksanakan mengikut skop yang dinyatakan seperti di atas sahaja memandangkan skop baik pulih dan penyelenggaraan di bawah program ini adalah bersifat jangka pendek. Baik pulih yang melibatkan keretakan pada struktur bangunan adalah di bawah bidang kuasa agensi teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) dan memerlukan perbelanjaan yang lebih tinggi serta jangka masa yang lebih panjang berbanding projek-projek penyelenggaraan di bawah program PPP dan TPPM.

Dalam memastikan penyediaan perumahan yang berkualiti dan mampan serta selamat diduduki, Standard Perumahan Kebangsaan (CIS 26:2019) yang dikeluarkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) perlu dirujuk sebagai panduan. Kualiti perumahan mampu milik juga perlu memenuhi penilaian Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC) bagi menjamin skor kualiti pembinaan yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT
(BETONG)**

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

Datuk Robert Lawson Chuat (Betong) minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan cadangan Kementerian bagi menyediakan bangunan sendiri bagi taska dan tabika KEMAS yang masih menumpang di premis lain seperti rumah panjang di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 September 2022, sebanyak 8,811 buah bangunan Tabika dan Taska KEMAS masih beroperasi di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,858 buah adalah premis yang didirikan di atas tapak milikan KEMAS (hakmilik PTP, rezab & TOL) manakala 5,953 buah lagi adalah premis yang menumpang dan sewa di sesebuah bangunan.

Bagi negeri Sarawak, sebanyak 1,034 buah premis Tabika dan Taska KEMAS telah wujud dan masih beroperasi sehingga kini dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 686 buah adalah premis yang menumpang termasuklah menumpang di rumah panjang. Pihak KEMAS sedar akan perkara ini dan pada masa sekarang, KEMAS sedang dalam proses pemutihan premis-premis milikan KEMAS yang beroperasi di atas tapak milik pihak lain.

Antara langkah yang diambil ialah:

- a) Melaksanakan proses pemberimilikan/ pengambilan/ pembelian tapak bagi premis KEMAS yang didirikan di atas milik pihak lain dengan bayaran seperti yang akan ditetapkan oleh pihak Pentadbir Tanah; dan
- b) Membuat carian tanah yang dikhususkan bagi pembangunan taska dan tabika yang baharu bertujuan untuk memindahkan operasi taska dan tabika sedia ada yang menumpang dan menyewa;

Untuk makluman Yang Berhormat juga, memandangkan bilangan premis yang terlibat adalah besar, KEMAS terpaksa membuat proses pemutihan secara berperingkat tertakluk kepada jumlah peruntukan pembangunan dan senarai projek yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE, JPM) bagi setiap *rolling plan*. Di samping itu juga, pembangunan Tabika dan Taska baharu juga adalah tertakluk kepada adanya (*availability*) tapak yang dikhususkan bagi tujuan Tabika dan Taska oleh Pejabat Tanah dan Daerah (atau Jabatan Tanah dan Survei di Sarawak), kesesuaian tapak yang dikhususkan berkenaan serta ketersediaan tapak tersebut untuk dibuat projek pembangunan Tabika dan Taska. Dalam ertikata lain, tapak yang dicadangkan tersebut mestilah telah dipindahmilik kepada KEMAS atau direzabkan bagi memastikan hak KEMAS terhadap aset yang dibangunkan tersebut dilindungi dan terpelihara.

Oleh yang demikian, sekiranya pihak Yang Berhormat mempunyai sebarang cadangan tapak yang bersesuaian bagi tujuan menggantikan Tabika dan Taska yang menumpang di rumah panjang, pihak Yang Berhormat boleh berhubung dengan pegawai KEMAS di daerah atau di peringkat negeri bagi tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai kategori kesalahan bagi banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati di penjara malaysia sejak tahun 2000. Nyatakan berapa di antara mereka telah terima pengampunan daripada raja-raja atau kerajaan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod Jabatan Penjara Malaysia bermula tahun 1997 sehingga 23 September 2022 menunjukkan bahawa terdapat seramai **1,337** banduan yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati.

Daripada jumlah banduan akhir tersebut (1,337) seramai **415** (31.03 %) orang banduan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan (membunuh). Di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (pengedaran dadah) pula terdapat seramai **891** (66.64 %) orang banduan yang telah disabitkan. Manakala **7** (0.52 %) orang banduan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 121 Kanun Keseksaan (berperang dengan Yang di-Pertuan Agong). Selain itu, bagi kesalahan di bawah Seksyen 3 dan 7 Akta Senjatapi (melepaskan tembakan di bawah kesalahan berjadual dan berdagang senjatapi) terdapat seramai **17** (1.27 %) orang banduan. Rekod Jabatan Penjara Malaysia turut menunjukkan seramai **5** (0.37 %) dan **2** (0.15%) orang banduan masing-masing disabitkan di bawah Seksyen 3 Akta Culik dan Seksyen 396 Kanun Keseksaan (rompakan berkumpulan dan pembunuhan).

Bermula dari tahun 2009, seramai 198 orang banduan telah dipertimbangkan peringanan hukuman ataupun diberikan pengampunan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha yang telah dilaksanakan bagi menarik golongan belia menyertai bidang pembinaan dan seterusnya memperkasakan lagi akademi binaan di Malaysia setaraf dengan institusi pengajian lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan secara berterusan merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi bagi memperkasa golongan belia dalam pekerjaan, termasuk menggalakkan mereka menyertai sektor pembinaan, perladangan dan pertanian. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah membangunkan **Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan** berkaitan industri pembinaan, pertanian dan perladangan. Selain menyenaraikan keperluan kompetensi, **Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan** juga secara jelas memperincikan potensi dan laluan kerjaya dalam sektor pembinaan, pertanian dan perladangan yang dapat dijadikan rujukan oleh golongan ini;

SOALAN NO : 13

- (ii) Kementerian Sumber Manusia melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran turut menyediakan **kemudahan pinjaman dan pembiayaan** kepada golongan yang berminat untuk menyertai program latihan kemahiran dalam sektor ini. Kemudahan pembiayaan ini merangkumi elemen yuran latihan, elaun sara hidup, elaun penginapan, pinjaman komputer, dan elaun pengangkutan;
- (iii) Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO turut mengadakan jalinan kerjasama bersama Kementerian Belia Dan Sukan untuk memperkasa Program Perantisan kepada para belia. Usahasama ini adalah seiring dengan penekanan Kementerian dalam menangani isu melibatkan pekerjaan belia yang lebih dinamik melalui **integrasi MYBelia dan Portal MYFutureJobs**;
- (iv) Bagi memastikan golongan pencari kerja termasuk belia yang berada di kawasan pedalaman tidak tercicir, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO juga menjalankan kerjasama strategik dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui penubuhan **Pusat Satelit MYFutureJobs**. Inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan dan membantu pencari kerja termasuk graduan dari luar bandar untuk mendapatkan perkhidmatan seperti penggunaan komputer, capaian internet yang lebih stabil dan tempat yang selesa, selain berfungsi sebagai *focal point* untuk komuniti setempat mendapatkan pekerjaan melalui Portal MYFutureJobs;
- (v) Seterusnya, Kementerian Sumber Manusia melalui Perbadanan Sumber Manusia Berhad telah menubuhkan **HRDCorp Placement Centre** yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. **Sehingga 31 Julai 2022, sebanyak 43,903 peluang pekerjaan tersedia melalui HRDCorp Placement Centre dan lebih 6,000 pekerja berjaya ditempatkan** melalui inisiatif ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **60% (3,600 pekerja) adalah daripada golongan belia** dan sebahagian besar mereka **memperoleh gaji sebanyak RM2,000 dan ke atas**; dan

SOALAN NO : 13

- (vi) Selain itu, Kerajaan juga turut melaksanakan **gaji minimum RM1,500** melalui Perintah Gaji Minimum 2022 yang berkuatkuasa mulai 1 Mei 2022. Namun begitu, majikan di sektor perladangan, pertanian dan pembinaan amat digalakkan untuk menawarkan gaji yang lebih kompetitif serta pemberian elaun tambahan bagi menarik minat golongan belia untuk bekerja di ketiga-tiga sektor ini.

Dalam masa sama, Kerajaan juga menggalakkan industri supaya beralih kepada **penggunaan automasi** dan teknologi canggih yang dapat mewujudkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi supaya kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan turut dikurangkan secara berperingkat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

SOALAN :

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh mana konsep 'Keluarga Malaysia' ini dilihat berjaya dalam usaha untuk menyatupadukan penduduk yang rata-ratanya tinggal secara berkelompok dalam satu-satu kawasan khususnya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 dan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025.**

2. **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** merupakan pelan induk (*master plan*) pelaksanaan program pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional. Pelaksanaan pelan ini pula melibatkan kerjasama pelbagai Kementerian, agensi Kerajaan, NGO dan swasta sama ada yang berperanan sebagai agensi peneraju atau agensi pelaksana.

3. Manakala **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** pula menumpukan kepada program-program dan inisiatif perpaduan di bawah peranan Kementerian Perpaduan Negara.
4. Program-program yang disusun melalui Pelan ini adalah berdasarkan konsep Keluarga Malaysia yang menekankan ciri-ciri **Keterangkuman, Kebersamaan** dan **Kesyukuran** dalam mengukuhkan perpaduan.
5. Bagi menterjemahkan **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** ke dalam bentuk pelaksanaan, **Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia** telah digerakkan di **semua peringkat iaitu dari peringkat kebangsaan, negeri, daerah** dan **komuniti** untuk menyemarakkan semangat muhibah dalam kalangan Keluarga Malaysia.
6. Pelaksanaan program melalui Pelan ini menekankan penglibatan rakyat secara inklusif **meliputi pelbagai golongan termasuk kanak-kanak, pelajar sekolah, pelajar institusi pendidikan tinggi, pemimpin komuniti dan masyarakat umum di bandar dan luar bandar untuk bersama-sama berganding bahu dalam usaha menyemarak dan memperkukuhkan perpaduan ke arah merealisasikan Aspirasi Keluarga Malaysia.**
7. Pengisian program Semarak Uniti Keluarga Malaysia melibatkan segmen-segmen termasuk ekonomi, budaya, kesenian, sukan dan kesihatan yang menarik penglibatan pelbagai lapisan masyarakat merentasi agama dan kaum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pembahagian harta pusaka di tanah-tanah rancangan dan adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk Jawatankuasa Khas bagi menjalankan kajian terperinci terhadap GSA iaitu Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 bagi menambah baik pembahagian pusaka orang Islam yang melibatkan tanah-tanah rancangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan harta pusaka yang melibatkan tanah-tanah rancangan adalah tertakluk di bawah Akta Tanah (Kawasan-Kawasan Berkelompok) 1960 [Akta 530]. Pada masa ini, pilihan penyelesaian sementara untuk pembahagian harta pusaka kecil melibatkan tanah rancangan dan bagi menjaga kepentingan-kepentingan peneroka, Pegawai Pembahagian Pusaka akan melantik Pentadbir untuk menguruskan segala yang berkaitan dengan harta tersebut termasuk membahagikan hasil faedah yang diperolehi kepada waris-waris si mati.

Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) akan sentiasa meneliti keperluan untuk semakan ke atas peruntukan di bawah Akta 530, dasar serta peraturan berkaitan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN (JULAU)**

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau) minta MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR menyatakan bilakah Kementerian akan mula melaksanakan projek untuk menyediakan bekalan air bersih untuk kemudahan kepada penduduk-penduduk di kawasan Nanga Lasi Jalan KJD, Bahagian Sarikei.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh *Rolling Plan* Kedua (RP2) tahun 2022 RMKe-12, Kementerian diperuntukkan kos projek sebanyak RM2.025 bilion bagi pelaksanaan 44 projek di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sarawak. Daripada jumlah ini, dua (2) projek telah diluluskan pelaksanaan di bawah Parlimen Julau iaitu Projek BALB Julau Fasa II, Bahagian Sarikei melibatkan kos projek sebanyak RM69 juta dan Projek BALB Kawasan Nanga Lasi, Jalan KJD, Bahagian Sarikei melibatkan kos projek sebanyak RM53 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan Projek BALB Kawasan Nanga Lasi, Jalan KJD, Bahagian Sarikei kini di peringkat pelantikan perunding. Pelantikan perunding bagi projek ini dijangka dapat dimuktamadkan selewat-lewatnya pada suku pertama tahun 2023 bagi menjalankan kajian dan membuat rekabentuk projek sebelum kontraktor dilantik bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan. Tempoh pembinaan projek ini dijangka mengambil masa selama 24 bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]**

TARIKH : **4 OKTOBER 2022 (SELASA)**

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan untuk menaik taraf perkhidmatan Jabatan Kecemasan, Jabatan Farmasi dan Klinik Pakar Kerajaan khususnya di kawasan yang berkepadatan tinggi yang mana terpaksa mengambil masa yang lama untuk menerima sesuatu rawatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu tempoh masa menunggu yang lama di fasiliti kesihatan kerajaan sememangnya dipandang serius oleh Kementerian Kesihatan. Selain daripada perancangan menaik taraf fasiliti yang mungkin akan mengambil masa yang agak panjang untuk siap, KKM telah melaksanakan inisiatif alternatif bagi mengurangkan masa menunggu di kalangan pesakit dalam mendapatkan rawatan.
2. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:
 - (a) **Mengaplikasikan *Lean Healthcare* yang melihat kepada keseluruhan proses kerja bagi mengurangkan aktiviti yang tiada nilai tambah demi meningkatkan efisiensi.**

Proses yang berulang dan menyebabkan ketidak lancarannya pergerakan pesakit di klinik dikurangkan atau dihapuskan sama sekali bagi memastikan aliran pesakit tidak terganggu. Ini membantu memendekkan masa menunggu sekaligus mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan klinik-klinik pakar. Aktiviti penambahbaikan yang dilakukan menerusi inisiatif *Lean Healthcare* mensasarkan pengurangan waktu menunggu untuk berjumpa doktor, bermula dari kaunter pendaftaran sehingga pesakit mengambil ubat di farmasi, dan juga masa menunggu katil untuk pesakit yang perlu dimasukkan ke wad dari Jabatan Kecemasan.

(b) Pelaksanaan Hospital Kluster

Inisiatif ini memperkukuh kerjasama *networking* antara hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar, seterusnya membolehkan pesakit luar bandar mendapat janji temu pakar dengan lebih cepat dan menerima rawatan kepakaran tanpa perlu dirujuk ke hospital pakar dan menunggu lebih lama untuk dilihat oleh doktor pakar.

(c) Inisiatif *Global Surgery*

Inisiatif ini memfokuskan kepada pelaksanaan pembedahan kes-kes tidak kompleks seperti hernia, *tubal ligation* di hospital tanpa pakar. Melalui program ini, pesakit dapat berjumpa doktor, mendapatkan khidmat nasihat dan seterusnya menjalani prosedur pembedahan dengan cepat tanpa perlu dirujuk ke hospital pakar dan menunggu lama.

(d) Inisiatif penyumberluaran bagi pesakit dari hospital kerajaan di bawah KKM ke fasiliti-fasiliti kesihatan swasta

Melalui inisiatif ini, pesakit-pesakit yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan dirujuk ke fasiliti kesihatan swasta bagi menjalani prosedur pembedahan dan bukan pembedahan. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kesesakan di hospital-hospital KKM.

(e) Memperkenalkan sistem janji temu berjumpa doktor terutamanya di klinik pakar secara berperingkat

Melalui inisiatif ini, pesakit dikehendaki datang pada masa-masa tertentu, bukan pada masa yang sama bagi semua pesakit agar dapat mengurangkan kesesakan klinik dan seterusnya dapat mengurangkan masa menunggu.

(f) Memperluas penggunaan Hospital Information System dan pengurusan rekod pesakit secara digital

Penggunaan aplikasi digital mampu membantu melancarkan proses kerja sewaktu janji temu pesakit di hospital.

(g) Melaksanakan sesi konsultasi klinik secara maya (*virtual clinic*)

Pesakit boleh mendapatkan konsultasi atau rawatan susulan melalui secara atas talian tanpa perlu hadir secara fizikal ke hospital.

(h) Memperkenalkan *Full Paying Patient (FPP)*

Dengan adanya FPP, perkhidmatan kepakaran ditawarkan kepada pesakit yang berkemampuan untuk membayar penuh kos perubatan. Kaedah ini dapat mengurangkan masa menunggu untuk bertemu pakar.

3. Bagi mengurangkan masa menunggu pesakit membuat tuntutan ubat terutamanya di kalangan pesakit yang perlu mengambil ubatan susulan di hospital-hospital kerajaan, Kementerian Kesihatan melaksanakan:

- (a) Sistem pembekalan ubat-ubatan (SPUB) yang membolehkan pesakit mendapatkan baki bekalan ubat seterusnya dari mana-mana fasiliti kesihatan KKM yang tersenarai dalam Direktori SPUB KKM melalui sistem rujukan yang seragam di seluruh negara. Pesakit boleh memilih untuk mengambil ubat di fasiliti kesihatan yang lebih hampir dengan rumah tanpa perlu ke hospital yang sesak dan menunggu lama.

SOALAN NO. 18

- (b) Perkhidmatan Ubat Melalui Pos bagi pembekalan ubat susulan terus ke lokasi pilihan pesakit melalui pos dengan caj kiriman yang telah ditetapkan bagi mereka yang memenuhi kriteria tertentu.
- (c) Perkhidmatan Sistem Temujanji yang membolehkan pesakit menggunakan medium seperti telefon, SMS, e-mel, faks dan juga kad temujanji untuk memaklumkan tarikh janji temu bagi mendapatkan bekalan ubat susulan pesakit. Ubat-ubatan pesakit akan disediakan sekurang-kurangnya beberapa hari sebelum tarikh temujanji. Pesakit boleh mendapatkan ubat sama ada daripada kaunter ataupun farmasi pandu lalu yang terdapat di hospital yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH (SABAK BERNAM)**

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh (Sabak Bernam) minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilangan kampung yang terdapat di seluruh negara termasuk di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan nyatakan bilangan kampung yang telah dikenalpasti memenuhi kriteria sebagai “Kampung Sejahtera” serta nyatakan apakah langkah Kementerian bagi melonjakan pembangunan kawasan luar bandar khususnya meningkatkan taraf hidup dan memenuhi dan mencapai aspirasi Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data terkini dari PLANMalaysia, Malaysia mempunyai 28,303 kampung yang meliputi 19,447 kampung di Semenanjung Malaysia, 5,976 kampung di Sarawak, 2,853 kampung di Sabah dan 27 kampung di Wilayah Persekutuan Labuan. Daripada jumlah tersebut, KPLB merekodkan sebanyak 15,434 kampung di bawah tadbir urus institusi pentadbiran Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK/JPKKP).

Bagi mencapai aspirasi Luar Bandar Sejahtera, KPLB telah membangunkan satu konsep ikonik baharu yang dinamakan Aspirasi Kampung Sejahtera yang mana ianya merupakan satu program pembangunan kampung yang komprehensif dan holistik bagi mewujudkan kampung-kampung di seluruh negara yang berdaya saing, bersih dan selamat dengan penglibatan aktif komuniti kampung sebagai penggerak utama di samping suntikan sokongan fizikal dan aktiviti ekonomi berimpak tinggi dari pelbagai Kementerian, Agensi, swasta dan lain-lain.

Selaras dengan Aspirasi Kampung Sejahtera, KPLB sedang melaksanakan Pertandingan Aspirasi Kampung Sejahtera (PAKS) yang melibatkan 121 kampung dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 107 adalah merupakan kampung tradisional dan rumah panjang manakala 14 kampung lagi adalah dalam kategori kampung orang asli dari pelbagai negeri. Keputusan PAKS ini dijangka akan diumumkan pada bulan Oktober 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah keluarga yang mengalami masalah pembuangan sisa pepejal yang belum menerima perkhidmatan pembuangan sisa pepejal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada 52 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bermula 1 September 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Akta 672 telah diterima pakai dan dikuatkuasakan di tujuh (7) negeri (Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Kedah dan Perlis) termasuk kawasan luar bandar dan kampung. Bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 pula (Selangor, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu,

SOALAN NO: 20

Sabah dan Sarawak), perkhidmatan pengurusan sisa pepejal adalah di bawah tanggungjawab PBT masing-masing.

Kementerian telah memberikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal kepada 5,325,864 premis yang terdiri daripada premis kediaman bertanah, premis rumah bertingkat dan rumah kampung di negeri – negeri di bawah Akta 672. Perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kementerian ini adalah terhadap kepada kawasan yang diserahkan oleh PBT dan kerajaan negeri yang sebahagian besarnya adalah merupakan kawasan perkhidmatan PBT iaitu kawasan yang dikenakan cukai taksiran. Perkhidmatan tersebut adalah terkecuali bagi kawasan-kawasan tertentu seperti di Lembaga Kemajuan Wilayah, FELDA, FELCRA dan sebagainya. Bagi kawasan-kawasan tersebut, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal disediakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Walau bagaimanapun, Kementerian sedang dalam usaha untuk memperluaskan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal kepada kawasan-kawasan kampung dan luar bandar yang masih belum menerima perkhidmatan pengurusan sisa pepejal. Bagi memastikan sisa pepejal dapat diurus dengan baik, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan tong komunal di kawasan yang belum menerima perkhidmatan seperti kawasan kampung dan luar bandar bagi penduduk meletakkan sisa di tong komunal yang telah disediakan. Kaedah pengurusan sisa pepejal yang lain bagi kawasan yang belum menerima perkhidmatan boleh dirujuk melalui Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Bagi Sisa Pepejal Isi Rumah dan Sisa Pepejal yang Serupa dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) 2011.

Kementerian ini akan terus komited untuk memberikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien, bersepadu di samping memberikan kepuasan yang lebih baik kepada pengguna dari segi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN (PAPAR)

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Ahmad bin Hassan (Papar) minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah (FELCRA) bercadang untuk membangunkan kompleks ternakan ayam bersepadu di Sabah (Parlimen Papar) dalam memastikan jaminan keselamatan bekalan makanan di Sabah terjamin di samping dapat meningkatkan kualiti hidup kepada penduduk luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan pemerkasaan pelaksanaan Program Jaminan Keselamatan Makanan Negara, FELCRA Berhad dibawah seliaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah diberi tanggungjawab utama iaitu projek Mega Ternakan Ayam sistem tertutup cadangan pengeluaran ayam sehingga 600,000 ekor per pusingan atau 3.6 juta ekor per tahun.

Sebagai program permulaan, projek ini akan dilaksanakan di negeri-negeri seperti Pahang, Kelantan dan Kedah selaras dengan kesesuaian faktor-faktor sosio-ekonomi setempat di samping penyaluran bajet kerajaan sedia ada di **Rolling plan-2 (RP2)** tahun 2022.

Cadangan untuk mengunjurkan pelaksanaan program yang sama di negeri-negeri lain turut akan diberikan pertimbangan wajar tertakluk kepada kelulusan bajet kerajaan di dalam tempoh RP3 hingga RP5 RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH (LEDANG)

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perincian angka projek, tender dan kontrak perolehan yang dianugerahkan kepada syarikat-syarikat di bawah Kementerian Dalam Negeri bagi tahun 2021 hingga terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri telah diluluskan sebanyak 121 butiran di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) bagi tahun 2021 dan 2022 masing-masing berjumlah 94 butiran bagi tahun 2021 dan 27 butiran bagi tahun 2022. Berdasarkan kepada 121 butiran projek tersebut, sebanyak 132 perolehan utama mula dilaksanakan pada tahun 2021 manakala 29 perolehan dilaksanakan bagi tahun 2022.

Sehubungan itu, sejumlah 31 daripada 132 tender perolehan berkenaan telah dimuktamad dan dianugerahkan pada tahun 2021 dengan nilai keseluruhan berjumlah RM1,997,666,376.00. Pada tahun 2022, sejumlah lima (5) tender perolehan telah dimuktamad dan dianugerahkan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM491,105,600.00. Dengan itu, nilai keseluruhan tender perolehan yang telah dianugerahkan sehingga September 2022 adalah berjumlah RM2,488,771,976.00.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI (PADANG
SERAI)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan masalah kerakyatan dan sijil kelahiran bagi
anak-anak yang lahir di negara ini tanpa dokumentasi yang sah dan beri
peratusan mengenai rakyat Malaysia yang tidak lahir di Malaysia tapi
mendapat kewarganegaraan mengikut kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab untuk mendaftarkan setiap kelahiran kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia samada bertaraf warganegara Malaysia atau bukan warganegara Malaysia berdasarkan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran kelahiran dan Kematian Sabah 1951 (CAP123) dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sarawak 1951 (CAP 10). Oleh yang demikian, JPN tetap akan mendaftarkan mana-mana kelahiran yang berlaku di negara ini tanpa mengira status dokumen pengenalan diri pemohon selagi kelahiran tersebut dapat dibuktikan berlaku di Malaysia. Kegagalan untuk mengemukakan bukti dan dokumen berkaitan boleh menjejaskan proses pendaftaran dan menyebabkan dokumen kelahiran tidak boleh dikeluarkan.

Kelahiran seseorang individu di negara ini tidak menjamin kewarganegaraan Malaysia secara automatik bagi individu tersebut. Kaedah pemerolehan kewarganegaraan Malaysia adalah ditetapkan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Penentuan taraf kewarganegaraan seorang kanak-kanak adalah tertakluk kepada taraf kewarganegaraan serta status perkahwinan ibu bapa beliau sewaktu kelahiran kanak-kanak tersebut.

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), peratusan orang rakyat Malaysia yang dilahirkan di luar negara dan mendapat kewarganegaraan Malaysia melalui kuat kuasa undang-undang di bawah Perkara 14(1)(b) dari tahun 2017 hingga 19 September 2022 **65.26%** dari keturunan Cina, **24.91%** dari keturunan Melayu, **4.50%** dari keturunan India, **1.08%** dari keturunan Iban, **0.47%** dari keturunan Kadazan dan **3.79%** dari lain-lain keturunan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak polis telah menghubungi dua orang wartawan, Tom Wright dan Bradley Hope, tentang dakwaan mereka bahawa Jho Low dan keluarganya dilihat di negara China dan Hong Kong pada tahun 2018 dan 2019. Mengapa Kerajaan tidak menawarkan ganjaran kepada sesiapa yang mempunyai maklumat terkini mengenai keberadaan Jho Low dan geng-gengnya yang dikehendaki polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Setiap maklumat yang diterima mengenai keberadaan Jho Low di negara asing sentiasa diteliti kesahihannya oleh pihak PDRM termasuklah dengan menggunakan saluran kerjasama pihak berkuasa di negara berkenaan berdasarkan saluran antarabangsa sedia ada dan bersandarkan kepada hubungan baik serta kerjasama dengan pihak berkuasa negara asing.

Berkaitan isu tawaran ganjaran kepada pihak yang mempunyai maklumat terkini mengenai Jho Low dan sekutunya, PDRM berpandangan buat masa ini, kaedah melalui *Red Notice* yang telah dikeluarkan oleh INTERPOL adalah lebih baik kerana menggunakan elemen kerjasama dan maklumat perisikan yang lebih tepat. Kaedah ini memerlukan mana-mana 195 negara anggota yang mempunyai maklumat berkaitan Jho Low bertanggungjawab untuk menyalurkan maklumat tersebut kepada Malaysia bagi membolehkan tindakan ekstradisi dibuat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL (KUALA KEDAH)

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah) minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perkembangan jumlah penduduk di luar bandar di seluruh negara. Apakah Kementerian ada wawasan untuk menggalakkan rakyat Malaysia berhijrah ke luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2010 dan 2020 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk luar bandar Malaysia telah **meningkat dari 7.99 juta orang pada tahun 2010 kepada 8.09 juta orang pada tahun 2020**. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan pertumbuhan penduduk secara keseluruhan mengikut strata bandar dan luar bandar, peratusan penduduk luar bandar menunjukkan trend menurun iaitu **24.9 peratus pada tahun 2020 berbanding 29.1 peratus pada tahun 2010**.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui **Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030)** dan **Pelan Strategik KPLB 2021-2025** telah menggariskan pelbagai strategi dan inisiatif untuk membangunkan kawasan luar bandar ke arah wawasan "**Luar Bandar Sejahtera**". Wawasan ini didukung oleh teras-teras strategik dalam DPLB 2030 yang meliputi teras ekonomi, keusahawanan, modal insan, prasarana, belia, wanita, kehidupan sejahtera, sistem penyampaian, alam sekitar serta pembangunan wilayah yang merangkumi keseluruhan inisiatif dan program KPLB bagi mensejahterakan luar bandar dan seterusnya menggalakkan rakyat kekal atau berhijrah ke luar bandar.

Selain itu, KPLB juga telah membangunkan satu aspirasi baharu yang dinamakan Aspirasi **Kampung Sejahtera** yang mana ianya merupakan satu model pembangunan sosioekonomi kampung yang **komprehensif, inklusif dan holistik** bagi mewujudkan kampung-kampung di seluruh negara yang berdaya saing, bersih dan mempunyai ekonomi berimpak tinggi dengan penglibatan aktif komuniti kampung yang berinisiatif tinggi, berdikari, berilmu dan berdisiplin sebagai penggerak utama. Kampung-kampung yang telah mencapai tahap Kampung Sejahtera akan berupaya **membuka pelbagai peluang ekonomi kepada penduduk setempat** yang dilihat bukan sahaja akan mengurangkan kadar penghijrahan ke bandar-bandar, malah akan dapat menarik penduduk kampung yang berhijrah untuk kembali ke kampung masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI MOHD SHAFIE B. HJ. APDAL
(SEMPORNA)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci kejadian rompakan berkumpulan (Rompakan Laut) yang didakwa dilakukan oleh anggota keselamatan negara pada bulan Ogos yang lalu di perairan Pulau Siamil, Semporna, Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Terdapat dua (2) kes rompakan di laut yang disyaki dilakukan oleh anggota keselamatan pada bulan Ogos lalu di perairan Pulau Siamil, Semporna Sabah iaitu bersabit Bum Bum repot 1462/2022, kejadian pada 15/08/2022 dan Bum Bum repot 1463/2022, kejadian pada 18/08/2022. Kedua-dua kes telah diklasifikasikan di bawah Sek. 395 Kanun Keseksaan iaitu melakukan rompakan berkumpulan. Tangkapan seramai 20 orang anggota tentera dan suspek-suspek telah dijamin pada 25 September 2022 dan kes masih dalam siasatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes masih dalam siasatan dan Kementerian perlu menunggu sehingga siasatan selesai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD AZIS BIN JAMMAN
(SEPANGGAR)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

"Datuk Mohd Azis bin Jamman (Sepanggar) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

a) Adakah terdapat larangan/halangan untuk seseorang memohon kewarganegaraan Malaysia di bawah 14, 15, 16 dan 19 Perlembagaan Persekutuan Malaysia atau mana undang-undang berkaitan?

b) Apakah jaminan kerajaan bahawa sebarang langkah pendataan warga asing yang dilakukan kerajaan akan melarang warga asing tersebut memohon kewarganegaraan Malaysia kelak?

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu warga asing telah diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [LN.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan anak dan peraturan imigresen.

Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin menjelaskan bahawa tiada halangan bagi mana-mana individu untuk memohon kewarganegaraan Malaysia sekiranya layak dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan tersebut. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan hanya melayakkan permohonan dikemukakan tetapi tidak menjamin bahawa permohonan akan diluluskan kerana penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada individu bertaraf bukan warganegara merupakan **anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan** yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan meluluskan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) sebagaimana dimohon oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melibatkan 5 tapak sebelum ini. Jelaskan juga perkembangan berhubung kelulusan 2 projek PPR di negeri Pulau Pinang yang diumumkan YB Menteri sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat (4) projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dibina di negeri Pulau Pinang merangkumi 999 unit seperti berikut:

- (i) PPR Taman Bagan Jaya di Parlimen Bagan;
- (ii) PPR Kg. Tok Suboh di Parlimen Bagan;
- (iii) PPR Mak Mandin di Parlimen Bukit Mertajam; dan
- (iv) PPR Lorong Selamat di Parlimen Tanjung.

Selain itu, terdapat satu (1) PPR dalam perancangan iaitu PPR Kepala Batas, Pulau Pinang yang melibatkan 700 unit rumah. Majlis Pecah Tanah bagi pembangunan PPR ini dijangka akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2022.

Merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan lawatan penilaian bagi lima (5) tapak yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan penilaian tersebut, KPKT telah mengemukakan permohonan projek PPR bagi tiga (3) tapak dalam Rolling Plan Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Namun, kelulusan projek tersebut adalah bergantung kepada kedudukan dan keupayaan kewangan Kerajaan. Bagi dua (2) lagi tapak yang dicadangkan, didapati ianya tidak sesuai untuk tujuan pembangunan PPR. Walau bagaimanapun, KPKT sentiasa bersedia mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan PPR yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri, namun tertakluk kepada kesesuaian tapak keperluan penduduk setempat dan juga keupayaan kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION
ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah Kementerian sedar berlakunya pembalakan di Gunung Bongsu, Kulim, Kedah dan berpotensi mengancam kehidupan penduduk setempat dan apakah langkah Kementerian sekiranya berulang peristiwa seumpama Gunung Iboi di Baling akibat pembalakan di Gunung Bongsu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS), keluasan hutan pengeluaran di Hutan Simpan Gunung Bongsu adalah seluas 6,387 hektar (81 peratus) daripada keluasan keseluruhan Hutan Simpan Gunung Bongsu seluas 7,835 hektar. Daripada keluasan hutan pengeluaran ini, sebanyak 2,026.63 hektar merupakan kawasan yang telah diluluskan untuk pembangunan ladang hutan di mana seluas 381.55 hektar telah dibangunkan sebagai ladang hutan dan ditanam dengan 165,000 pokok. Selain itu, terdapat satu lesen pengusaha hasilan dengan keluasan 135 hektar telah dikeluarkan bagi tujuan pembangunan di luar daripada kawasan pembangunan ladang hutan.

2. Aktiviti pengusaha hasilan hutan di hutan pengeluaran dilaksanakan secara terkawal berdasarkan prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (Sustainable Forest Management – SFM), dengan mengambil kira beberapa mekanisme kawalan seperti Catuan Tebangan Tahunan (CTT), Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) 2015), Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 1/2010, Garis Panduan Penubuhan Ladang Hutan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2017, Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia: Panduan Amalan Baik Hutan (Good Forest Practices) untuk Pengusahasilan Kayu Kayan Tanah Kerajaan 2016.

3. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) mengambil perhatian serius terhadap tragedi yang berlaku di Hutan Simpan Gunung Inas. Bagi mengelakkan peristiwa yang sama berlaku di Hutan Simpan Gunung Bongsu, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh JPMS melalui Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) seperti berikut:

SOALAN NO : 30

- (i) pelaksanaan moratorium kelulusan baharu ladang hutan dalam HSK di Semenanjung selama 15 tahun selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-79 pada 2 Disember 2021. Inisiatif ini merupakan satu komitmen Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi memastikan pembangunan ladang hutan, selari dengan dasar dan objektif penubuhan Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) dalam HSK dengan mengambil kira kepentingan sosioekonomi dan khazanah kepelbagaian biologi negara serta menjamin kestabilan alam sekitar;
- (ii) pihak pemaju perlu menjalankan pembangunan ladang hutan mengikut fasa pembangunan selaras dengan kelulusan EIA yang diberikan. Contohnya, sekiranya fasa 1 telah dijalankan pengusaha hasilan maka pihak pemaju perlu menjalankan penanaman semula di kawasan tersebut dengan spesies ladang hutan yang telah diluluskan sebelum dibenarkan untuk ke fasa 2 dan seterusnya. Hal ini bagi mengawal pembukaan hutan secara besar-besaran sekaligus mengelakkan kawasan yang diusahakan daripada terdedah untuk suatu tempoh yang lama;
- (iii) pihak pemaju juga perlu mengekalkan *buffer zone* dan *green zone* di mana kawasan ini tidak dibenarkan untuk dijalankan pembangunan ladang hutan seperti mana kelulusan EIA yang telah diluluskan;
- (iv) menjalankan pengawasan bagi memastikan pematuhan kepada syarat lesen yang diberikan kepada pihak pemaju. Sebarang pelanggaran kepada syarat lesen akan diambil tindakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan perundangan semasa yang berkuatkuasa seperti Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara 1985 bagi negeri Kedah dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) 2015 di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS); dan

SOALAN NO : 30

- (v) sedang melaksanakan analisa geologi, geomorfologi dan geologi kejuruteraan bagi mengenalpasti kawasan *hotspot* berpotensi berlakunya geobencana. Ini bagi memperluas dan mengemaskini Peta Bahaya dan Risiko Cerun dengan mengambil kira kesan perubahan iklim ke atas negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

TARIKH : **4 OKTOBER 2022 (SELASA)**

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah pelajar perubatan, farmasi, kejururawatan, radiologi, dan fisioterapi dan terapi cara kerja yang masih tidak dapat menamatkan pengajian ijazah dan diploma kerana belum menyelesaikan program sangkutan di hospital susulan dari pelaksanaan PKP dan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan situasi pandemik COVID-19 yang melanda negara, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memutuskan untuk menangguhkan sesi akademik dan klinikal selama satu (1) semester bagi Program Latihan Separa Perubatan (bertaraf Diploma), Program Lanjutan [(Diploma Lanjutan/Sijil Pos Basik) bertaraf Diploma Lanjutan dan Sijil] dan Program Peralihan (PSL) [bertaraf Diploma] di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM). Penangguhan sesi akademik dan klinikal ini melibatkan semua pelatih ILKKM ambilan Julai 2019, Januari 2020 dan Julai 2021 bagi Program Diploma Kejururawatan, Diploma Farmasi, Diploma Terapi Cara Kerja, Diploma Fisioterapi dan Diploma Pengimejan Perubatan seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Data Ambilan Pelatih Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM) Bagi Sesi Akademik Tahun 2019, 2020 dan 2021

BIL.	PROGRAM (DIPLOMA)	SESI AMBILAN		
		JULAI 2019	JANUARI 2020	JULAI 2021
1.	Kejururawatan	334	272	156
2.	Farmasi	72	63	56
3.	Terapi Cara Kerja	39	35	35
4.	Fisioterapi	36	29	24
5.	Pengimejan Perubatan	37	30	46
JUMLAH		518	429	317

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelatih ILKMM yang ditanggungkan satu (1) semester akan menamatkan pengajian pada bulan:

- (a) Disember 2022 bagi 518 pelatih ambilan Julai 2019;
- (b) Jun 2023 bagi 429 pelatih ambilan Januari 2020; dan
- (c) Disember 2024 bagi 317 pelatih ambilan bulan Julai 2021.

3. Seterusnya, berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), bilangan enrolmen pelajar yang **menanggungkan pengajian** bagi sub bidang kesihatan peringkat Diploma dan Sarjana Muda tahun 2020 dan 2021 di Universiti Awam (UA) adalah seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Bilangan Enrolmen Pelajar yang Menangguhkan Pengajian bagi Sub-Bidang Kesihatan Peringkat Diploma dan Sarjana Muda Tahun 2020 dan 2021 di Universiti Awam (UA)

PERINGKAT PENGAJIAN	JURUSAN	BIL. ENROLMEN PELAJAR YANG MENANGGUHKAN PENGAJIAN	
		2020	2021
Sarjana Muda	Dental studies	-	-
	Health	35	32
	Medical diagnostic and treatment technology	1	2
	Medical services	3	4
	Medicine	6	7
	Nursing and caring	10	9
	Pharmacy	2	2
	Therapy and rehabilitation	6	10
	JUMLAH	63	66

SOALAN NO. 31

Diploma	Medical diagnostic and treatment technology	1	3
	Nursing and caring	3	6
	Pharmacy	-	-
	Therapy and rehabilitation	2	1
	JUMLAH	6	10
JUMLAH KESELURUHAN		69	76

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) adakah kadar pengangguran 3.7% pada bulan Julai 2022 termasuk mereka yang mempunyai pekerjaan tetapi mendapat penggajian tidak setimpal dengan kelulusan dan pengalaman mereka; dan
- (b) langkah dan strategi Kerajaan untuk menangani situasi *underemployment* ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran negara pada Julai 2022 merekodkan 3.7%. Kadar pengangguran ini **tidak termasuk** golongan yang mempunyai pekerjaan tetapi mendapat penggajian tidak setimpal dengan kelulusan dan pengalaman, yang dikategorikan sebagai guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran (*skill-related underemployment*).

Kerajaan sentiasa proaktif untuk menangani masalah guna tenaga tidak penuh ini. Antaranya adalah melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) Menggalakkan industri supaya beralih kepada **penggunaan automasi** dan teknologi canggih yang dapat mewujudkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi. Dalam masa sama, kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan turut dikurangkan secara berperingkat;
- (ii) Kementerian Sumber Manusia melalui Talent Corporation Malaysia Berhad telah membangunkan **Critical Occupations List** yang bertujuan memberi penekanan terhadap kebolehpasaran tempatan dengan mengenalpasti kemahiran dan pekerjaan yang sukar dipenuhi merangkumi keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir. **Critical Occupations List** juga digunakan sebagai rujukan dalam mempertimbangkan kelulusan penggajian ekspatriat asing oleh pihak berkuasa yang terlibat;
- (iii) Kementerian Sumber Manusia melalui TalentCorp juga melaksanakan kolaborasi strategik merentasi kementerian/ agensi, industri dan institusi pengajian tinggi awam/swasta/ teknikal serta giat mempromosikan inisiatif-inisiatif berkaitan pembangunan bakat dan kebolehpasaran takungan bakat muda negara melalui pelaksanaan:

SOALAN NO : 32

- (i) **Platform *mynext*:** *mynext* adalah platform setempat solusi bakat bersepadu dan data analitis yang menggabungkan graduan, pekerja, syarikat dan institusi pendidikan, dengan fokus utamanya adalah untuk merapatkan jurang di antara penawaran bakat di Malaysia dengan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*). *mynext* juga bertindak sebagai portal bagi memudahcara latihan industri di peringkat nasional dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi;
- (ii) **Program Latihan Industri Berstruktur Nasional** Inisiatif ini bertindak sebagai penggalak kepada penyertaan dan penglibatan syarikat dan industri untuk melatih bakat muda negara untuk membuka serta menawarkan lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai dua kali; dan
- (iii) ***Young Employable Students*:** Inisiatif dengan tindakan intervensi proaktif melalui penerapan elemen pendedahan aspek kebolehpasaran graduan negara melalui kerjasama rakan kolaborasi strategik dalam usaha meningkatkan ketersediaan bakat graduan sebelum melangkah ke pasaran pekerjaan dengan penerapan elemen kepimpinan, bimbingan kerjaya, bengkel *soft-skills* berkaitan kerjaya, keusahawanan dan pendedahan kepada perkembangan semasa pasaran pekerjaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE LIMA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ B. SYED ABDUL
RAHMAN (MUAR)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan komited untuk meminda Bahagian II, Jadual Kedua, Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan anak yang lahir di luar negara oleh ibu berwarganegara Malaysia untuk mendapatkan kewarganegaraan yang sama taraf seperti anak yang lahir di luar negara oleh ayah berwarganegara Malaysia sedangkan pemain bola sepak warganegara asing telahpun mendapat kewarganegaraan dengan bermastautin di Malaysia kurang daripada 10 tahun sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin menjelaskan bahawa KDN amat komited dan telah mengambil inisiatif memulakan usaha untuk mengkaji dan meneliti cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan terutamanya perkara yang terkandung dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hubungan yang sama, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Pindaan Perlembagaan Persekutuan Berhubung Isu-Isu Kewarganegaraan bagi meneliti dan mengkaji aspek-aspek berkaitan pindaan kepada Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Cadangan

SOALAN NO : 33

pindaan ini adalah merupakan keputusan dasar yang perlu dibuat oleh Kerajaan dan ia perlu mendapat perkenan Majlis Raja-Raja terlebih dahulu selaras dengan peruntukan Perkara 159(5), Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada individu bertaraf bukan warganegara merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima diproses dan diteliti mengikut syarat dan perundangan yang berkuat kuasa.

Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini pula adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen. Fakta dan dokumen bukti yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan kes.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN
WAN CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah obesiti selain pengenaan duti eksais ke atas produk minuman bergula memandangkan kadar obesiti negara berada di paras tertinggi di Asia Tenggara sebanyak 15.6% menurut Laporan Semakan Populasi Dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sangat prihatin berkenaan isu obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia. Pelbagai strategi dan langkah secara menyeluruh telah dan sedang dilaksanakan bagi mengurangkan kadar obesiti negara daripada aspek pencegahan serta intervensi yang lebih menarik dan praktikal supaya setiap kumpulan sasaran berpeluang mendapat manfaat dan memberi impak yang besar. Antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Pelaksanaan polisi larangan pengiklanan dan lain-lain bentuk pemasaran makanan dan minuman yang tinggi lemak/ gula yang menarik minat kanak-kanak. Polisi ini dilaksanakan bagi mengekang aktiviti pengiklanan di media cetak dan elektronik yang mempengaruhi pilihan makanan dan permintaan kanak-kanak.
- (b) Pelaksanaan program pengurusan berat badan dan kesihatan melalui pemerksaan kemahiran keibubapaan dalam aspek pemakanan, senaman dan pengurusan tingkah laku. Program ini mensasarkan kepada satu isi rumah bagi menekankan tabiat dan pembudayaan amalan pemakanan sihat, aktif bersenam dan tingkahlaku yang positif bermula dari rumah.
- (c) Pembangunan Pelan Strategik Mengurangkan Pengambilan Gula di Malaysia bagi menangani masalah obesiti di kalangan rakyat Malaysia. Pelan strategik ini dirangka bagi tempoh 5 tahun yang akan memfokuskan 3 *setting* utama iaitu industri, institusi dan kepenggunaan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Bagi memperkukuhkan strategi dan langkah sedia ada, Kementerian Kesihatan melaksanakan inisiatif-inisiatif berterusan melalui pendekatan di institusi-institusi berikut:

Institusi dan Sekolah

- (a) Melatih penjaga dan guru di TASKA dan TADIKA untuk penyediaan menu sihat dan pemantauan tumbesaran kanak-kanak.
- (b) Memperkasakan Persatuan Ibu Bapa dan Guru menerusi Inisiatif Cara Hidup Anda Terbaik (C-HAT) bagi melaksanakan aktiviti pemakanan dan kesihatan sebagai satu usaha menangani masalah obesiti di sekolah.
- (c) Menjalankan pemantauan penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pemakanan Sihat di Sekolah.
- (d) Melaksanakan Inisiatif Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS).
- (e) Pemantauan status berat badan di peringkat sekolah turut dilaksanakan bagi mengenalpasti masalah berat badan pelajar di peringkat awal agar intervensi awal dapat diberikan.

Fasiliti Kesihatan dan Komuniti

- (a) Memperkukuhkan promosi penyusuan susu ibu dan pemberian makanan pelengkap kepada bayi dan kanak-kanak kecil.
- (b) Mempromosikan pemakanan sihat melalui Pusat Maklumat Pemakanan dan Dapur Sihat Masyarakat.
- (c) Menjalankan Program Pemakanan Sihat di Pasar Raya.
- (d) Melaksanakan program saringan kesihatan dan intervensi bagi menangani penyakit tidak berjangkit di peringkat komuniti seperti program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) bagi menggalakkan penglibatan komuniti dalam mengambil

tanggungjawab terhadap kesihatan diri, mengenal pasti risiko penyakit dan penyakit di peringkat awal serta mendapatkan rawatan yang sewajarnya agar penyakit dalam keadaan terkawal.

Tempat Kerja

- (a) Melaksanakan Program Pengurusan Berat Badan *Trim & Fit* dalam kalangan penjawat awam/ swasta selama 6 bulan.
- (b) Melaksanakan Program Kafeteria Sihat yang menyediakan pilihan makanan dan minuman yang sihat dan mengutamakan cara penyediaan hidangan yang lebih sihat di institut pengajian tinggi dan tempat kerja.
- (c) Melaksanakan Program Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat (PHSSM).
- (d) Melatih pengendali makanan melalui Latihan Katering Sihat bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran mereka mengenai penyediaan hidangan yang sihat dan selamat.
- (e) Menjalankan advokasi Pinggan Sihat Malaysia melalui konsep “Suku-suku Separuh” yang memberi panduan terhadap porsi pengambilan makanan bagi setiap hidangan utama.
- (f) Melaksanakan program saringan kesihatan dan intervensi bagi menangani penyakit tidak berjangkit di tempat kerja seperti Program KOSPEN Plus bagi mengenalpasti risiko penyakit dan penyakit di peringkat awal dalam kalangan pekerja dan menggalakkan pembudayaan amalan cara hidup sihat.

Industri Makanan dan Minuman

- (a) Melaksanakan advokasi Membaca Label pada produk makanan dan minuman melalui pelbagai platform bagi meningkatkan pemahaman pengguna mengenai maklumat pemakanan dan

ramuan bagi memilih produk yang sihat.

- (b) Mengadakan rundingan secara berkala dengan pihak industri makanan termasuk pengusaha-pengusaha rangkaian makanan segera untuk menggalakkan penghasilan/ reformulasi produk makanan dan minuman yang rendah kandungan gula, garam, lemak dan tinggi serat.
- (c) Melaksanakan Inisiatif *Healthier Choice Logo* (HCL) dengan penyertaan secara sukarela daripada syarikat – syarikat pengeluar makanan dan minuman di Malaysia. Sehingga kini, sebanyak 461 produk makanan dan minuman telah mendapat logo HCL yang merupakan pilihan sihat bagi rakyat Malaysia.
- (d) Melaksanakan inisiatif *MyChoice* dan *MyMeal* di semua rangkaian restoran termasuk restoran francais, syarikat makanan segera dan syarikat persendirian. Pengiktirafan ini diberi kepada menu yang memenuhi kriteria nilai ambang kandungan gula, garam dan kalori yang telah ditetapkan dan merupakan pilihan yang lebih sihat di restoran tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI
HAMZAH [KUBANG PASU]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pelancong luar negara/warga Malaysia yang masuk negara ini melalui Kompleks ICQ Bukit Kayu Hitam dibiarkan berjalan kaki dalam jarak yang sangat jauh bagi mendapatkan perkhidmatan teksi Malaysia

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal pintu masuk negara di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam sentiasa berusaha memastikan perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada pengembara yang menggunakan kemudahan ini tanpa mengabaikan aspek keselamatan.

Kementerian mendapati bahawa wujud aktiviti penarik motosikal tambang warga Thailand dan pengusaha-pengusaha teksi yang bebas menjalankan aktiviti sehingga melepasi Kompleks ICQS. Dalam hal ini, pemandu-pemandu teksi yang menggunakan ruang di kawasan antara pintu sempadan Malaysia dan Thailand sebagai perhentian teksi sementara berisiko mencetuskan ancaman keselamatan, kesesakan lalu lintas, penyeludupan manusia dan barang-barang yang terlarang. Sehubungan itu, keputusan ini dilaksanakan selepas insiden 3 orang warga Thailand yang bertindak menutup pintu pagar sempadan akibat ketidakpuashatian mereka dengan tindakan penguatkuasaan pihak agensi penguatkuasa Malaysia pada Februari 2019.

Justeru, dalam pertemuan antara Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak persatuan teksi pada 11 November 2019 telah memutuskan bahawa perkhidmatan teksi tidak dibenarkan untuk beroperasi dalam kawasan Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam berikutan kawasan tersebut merupakan Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL) yang diwartakan dan sebarang aktiviti lain yang tidak berkaitan adalah dilarang sama sekali di kawasan berkenaan.

Walau bagaimanapun, Pengurusan Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam akan meneliti perkara tersebut bagi menambah baik kemudahan kepada warganegara mahupun warga asing yang menggunakan pintu masuk berkenaan tanpa mengabaikan aspek keselamatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : **4 OKTOBER 2022 (SELASA)**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) apakah prevalens keganasan rumahtangga yang dilaporkan di peringkat klinik kesihatan; dan
- (b) apakah langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan tenaga kerja kesihatan mental khususnya dalam sektor kesihatan primer.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prevalens Kes Keganasan Rumah Tangga yang dilaporkan dari fasiliti kesihatan

1. Kes keganasan rumah tangga yang dikenal pasti di klinik kesihatan akan dirujuk untuk rawatan lanjut di Pusat Krisis Seheni atau *One Stop Crisis Centre* (OSCC). OSCC adalah salah satu skop perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Kecemasan dan Trauma dan terletak di semua hospital Kementerian Kesihatan seluruh Malaysia yang beroperasi 24 jam setiap hari bagi mengendalikan kes-kes seperti penderaan kanak-kanak, penderaan seksual (rogol dan liwat) termasuklah kes keganasan rumahtangga.

2. Statistik kes keganasan rumah tangga adalah dikumpul daripada kes yang di terima dan dirawat di OSCC. Pada tahun 2020, **jumlah kes keganasan rumah tangga yang dirawat di OSCC** seluruh Malaysia adalah sebanyak **6, 576 kes**, manakala pada tahun **2021**, kes berjumlah **5, 698 kes**. Data daripada **Januari hingga Jun 2022** pula menunjukkan bilangan kes adalah sebanyak **2,987 kes**. Kes keganasan rumah tangga ini adalah meliputi penderaan fizikal, seksual dan psikologi.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah Meningkatkan Tenaga Kerja Kesihatan Mental di Sektor Kesihatan Primer

3. Kementerian Kesihatan amat komited dalam memastikan tenaga kerja di sektor kesihatan primer adalah tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dalam pengendalian pesakit. Bagi mempertingkatkan kemahiran dalam kesihatan mental, modul- modul latihan dibangunkan dan latihan secara berkala dan konsisten diberikan di setiap lapisan tenaga kerja kesihatan sama di peringkat daerah, negeri mahupun peringkat kebangsaan.

4. Antara modul latihan dalam aspek kesihatan mental yang telah dibangunkan dan telah digunakan untuk latihan bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan, dan kemahiran petugas kesihatan dalam pengendalian dalam kesihatan mental adalah seperti berikut:

- (a) Latihan Psychological First Aid (PFA) kepada anggota kesihatan di kesihatan primer
- (b) Latihan Intervensi Minda Sihat di Kesihatan Primer
- (c) Latihan bagi petugas Talian Krisis Kesihatan Mental
- (d) Latihan Pencegahan dan Pengendalian Kes Tingkah laku Bunuh Diri;

SOALAN NO. 36

- (e) Latihan Pencegahan dan Pengendalian Kes-kes Disyaki Didera Kanak-kanak dan Remaja di Peringkat Kesihatan Primer;
- (f) Latihan Penilaian Risiko dan Intervensi Primer Kemudaratan Alkohol;
- (g) Latihan Pengendalian Penyalahgunaan *Amphetamine Type Stimulant* (ATS) dan Psikostimulant Lain di Peringkat Primer dan Komuniti; dan
- (h) Latihan Pengendalian Penyalahgunaan INHALAN di Kesihatan Primer.

5. Di samping itu , Kementerian Kesihatan juga telah menempatkan 200 orang kaunselor secara *contract of service* di 138 pejabat kesihatan daerah bagi memberikan perkhidmatan bagi peringkat kesihatan primer di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan syarat-syarat yang diperlukan bagi memohon permit khas untuk membeli petrol atau diesel yang melebihi 20 liter. Peniaga bidang apa yang layak memohon dan berapa yuran diperlukan bagi memproses permohonan. Berapa permit khas yang masih sah di kawasan Parlimen Sarikei setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah menyediakan satu platform khas bagi mengawal pembelian petrol atau diesel yang melebihi 20 liter di stesen minyak melalui permit khas. Permohonan boleh diterima sama ada daripada syarikat, individu atau agensi melalui sistem MySubsidi Permit Khas dan tempoh sah permit khas adalah sehingga 12 bulan.

Pembelian menggunakan permit khas hanya dibenarkan untuk pengisian ke dalam bekas yang selamat untuk bahan api. Permit khas juga mempunyai had kuantiti pembelian dalam sehari.

Permohonan permit khas ini tidak melibatkan apa-apa bayaran namun permohonan perlu memenuhi syarat-syarat tertentu di bawah 8 kategori berikut:-

- i. Forklift yang digunakan di dalam gudang dan tidak dapat mengisi minyak di stesen minyak kerana tidak berdaftar dengan Jabatan

Pengangkutan Jalan. Had kuantiti, tidak melebihi 50 liter/ sehari pembelian;

- ii. Petani, penternak, pesawah yang mengusahakan kebun, sawah dan penternakan secara kecil-kecilan serta mendapat surat pengesahan dari agensi yang berkaitan. Had kuantiti, tidak melebihi 200 liter/ sehari pembelian;
- iii. Pengusaha Industri Makanan iaitu memproses makanan dan minuman. Had kuantiti, tidak melebihi 100 liter/ sehari pembelian;
- iv. Penempatan Penduduk di Kawasan Pedalaman. Had kuantiti, tidak melebihi 100 liter/ sehari pembelian;
- v. Pengangkutan Air iaitu pelancongan, pengangkutan persendirian dan sukan air. Had kuantiti, tidak melebihi 100 liter/ sehari pembelian atau tidak melebihi 200 liter/ sehari pembelian bagi jarak perjalanan ke pemborong berlesen melebihi 30 km (pembelian hanya dibenarkan kepada petrol dan diesel tidak bersubsidi sahaja);
- vi. Nelayan bukan sepenuh masa secara kecil-kecilan yang disahkan bukan penerima bantuan subsidi petrol dan diesel dari mana-mana agensi kerajaan bagi bot berkapasiti enjin tidak melebihi 60 kuasa kuda. Had kuantiti, tidak melebihi 50 liter/ sehari pembelian;
- vii. Lain-lain atas keperluan mendesak. Had kuantiti tidak melebihi 500 liter untuk hanya sekali pembelian sahaja. Kelulusan hanya boleh diputuskan oleh Jawatankuasa Mengkaji Permohonan Permit Peringkat Negeri sahaja; dan
- viii. Kelulusan khas Ibu pejabat yang boleh mempertimbangkan dan meluluskan apa-apa kuantiti bagi mengikut keperluan.

Buat masa ini, hanya 3 permit khas yang masih sah di kawasan Parlimen Sarikei.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 04 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU (TUARAN) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa pungutan cukai jalan daripada Sabah dan seluruh negara setiap tahun bermula daripada tahun 1970 hingga tahun 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat kutipan hasil yang masih ada dalam rekod Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) adalah dari tahun 2001 hingga sekarang.
2. Rekod-rekod lama yang diselenggara secara manual tiada dalam simpanan selaras dengan Lampiran M (Tempoh Minimum Bagi Menyimpan Buku Dan Rekod Kewangan Serta Perakaunan) - Perkara 150, Arahan Perbendaharaan di mana buku dan rekod kewangan serta perakaunan hendaklah dimusnahkan selepas tempoh minimum penyimpanan, iaitu tujuh (7) tahun selepas penyelesaian akhir segala urusan dan penutupan akaun terakhir dalamnya.
3. Jumlah kutipan keseluruhan fi Lesen Kenderaan Motor (LKM), dari tahun 2001 sehingga 2021 adalah sebanyak Ringgit Malaysia Empat Puluh Sembilan Bilion Satu Ratus Lapan Puluh Satu Juta Sembilan Ratus Tujuh Ribu Lapan Ratus Sembilan Puluh Tiga dan Dua Sen (RM49,181,907,893.02). Manakala, jumlah kutipan dari negeri Sabah bagi tempoh yang sama adalah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Bilion Enam Ratus Tujuh Juta Enam Ratus Lima Ribu Satu Ratus Tujuh Puluh Lima dan Dua Puluh Tujuh Sen (RM1,607,605,175.27) iaitu 3.27% daripada jumlah kutipan keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada tender antarabangsa akan dipanggil untuk pembinaan insinerator sisa-ke-tenaga untuk Rawang Land 3 dan bila *Environmental Impact Assessment* (EIA) untuk projek tersebut akan diterbitkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses perolehan Projek Loji Rawatan Sisa Pepejal *Waste to Energy* (WtE) di Taman Beringin, Kuala Lumpur telah ditender pada 29 September 2015 secara kerjasama awam swasta (*Public Private Partnership* - PPP). Surat niat telahpun dikeluarkan kepada pembida berjaya pada 9 Jun 2017. Walau bagaimanapun, lokasi loji WtE tersebut telah menerima bantahan daripada orang awam terutamanya daripada Persatuan “Kami Tak Nak Insinerator” kerana berdekatan dengan kawasan penempatan penduduk. Selain itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga telah meluluskan perancangan pembangunan perumahan di kawasan berhampiran dengan tapak loji WtE di Taman Beringin, Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menangguhkan pelaksanaan loji WtE di Taman Beringin, Kuala Lumpur untuk mengkaji semula keperluan projek ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Kementerian ini pada tahun 2020 telah menerima permohonan untuk meneruskan pelaksanaan projek loji WtE daripada pembida berjaya dengan menawarkan lokasi baharu iaitu di Rawang Land 3, Selangor yang akan dibeli oleh pembida berjaya tanpa melibatkan sebarang kos kepada kerajaan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor pada 24 April 2020 melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor telah bersetuju secara dasar terhadap cadangan perpindahan lokasi projek tersebut. Jemaah Menteri pada 17 Jun 2020 juga turut bersetuju secara prinsip dengan cadangan perpindahan lokasi ini.

Justeru, tiada tender terbuka baharu yang akan dibuka untuk pelaksanaan loji WtE di Rawang Land 3, Selangor. Kerajaan Persekutuan sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan perjanjian perkhidmatan dengan pembida berjaya. Kajian Impak Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment, EIA) akan dilaksanakan dan diterbitkan setelah perjanjian tersebut ditandatangani yang dijangka akan mengambil masa selama enam (6) hingga 12 bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang
diambil untuk mengesan dan menangkap Low Taek Jho atau Jho Low.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah berhenti dan kekal komited dalam usaha mengesan dan membawa pulang Jho Low ke Malaysia untuk menghadapi pertuduhan. Pelbagai usaha dan langkah telah diambil termasuklah memohon dan memperolehi *Red Notice* daripada INTERPOL terhadap Jho Low sejak tahun 2018.

Untuk makluman, setelah *Red Notice* yang dikeluarkan oleh INTERPOL, 195 negara ahli bertanggungjawab untuk menyalurkan maklumat kepada negara yang memperolehi *Red Notice* bagi proses permohonan ekstradisi. Selain itu, PDRM turut menjalinkan kerjasama dengan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI), Amerika Syarikat, pihak berkuasa Singapura dan agensi penguatkuasaan negara lain.

PDRM juga amat mengalu-alukan mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berhubung lokasi Jho Low supaya menyalurkannya melalui talian CCID Infoline di 013-211 1222 (*WhatsApp* sahaja) atau di mana-mana balai polis yang berhampiran. Setiap maklumat yang diterima akan diteliti kesahihannya dan akan disalurkan kepada INTERPOL bagi mendapatkan pengesahan lanjut daripada negara ahli yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT
MERTAJAM)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes penipuan telefon yang menyebabkan wang simpanan mangsa dikeluarkan tanpa izin, ikut tahun, negeri, jantina, kaum, umur dan bank terlibat serta jumlah kerugian setiap satu dari tahun 2018 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Memandangkan jenis statistik yang dipohon adalah sangat terperinci dan banyak, jawapan secara bertulis akan dikemukakan kepada Yang Berhormat. Namun, ingin saya maklumkan secara rangkumannya, jumlah kes yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2018 hingga Januari hingga 15 September 2022 adalah sebanyak 79,559 kes melibatkan kerugian bernilai RM2,513,732,701.72. Berdasarkan statistik juga, bangsa Melayu mencatatkan jumlah mangsa paling ramai dalam setiap kategori kes bagi jenayah penipuan atas talian iaitu seramai 42,755 mangsa diikuti pula oleh bangsa Cina dengan jumlah mangsa seramai 21,225 orang. Lain-lain kaum pula seramai 8,540 orang disusuli pula mangsa berbangsa India seramai 7,039. Lingkungan umur 21 hingga 40 tahun adalah antara golongan yang paling tinggi menjadi mangsa kepada jenayah ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta MENTERI
SUMBER MANUSIA menyatakan langkah yang dibuat oleh Kerajaan untuk
mengurangkan jumlah dan tahap kebergantungan terhadap pekerja asing.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada guna tenaga asing, Kerajaan masih berpegang kepada dasar-dasar sedia ada. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah dengan memberikan keutamaan kepada penggajian pekerja tempatan seperti berikut:

- i. menggalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengehendkan kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah dan mewujudkan peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi kepada warga tempatan;
- ii. penggajian pekerja asing dari mana-mana negara sumber hendaklah berdasarkan kepada keperluan sebenar industri dan sektor-sektor yang dibenarkan sahaja;
- iii. syarat-syarat permohonan pekerja asing diperketatkan dari segi penetapan nisbah pengambilan berdasarkan komposisi pekerja tempatan dan pekerja asing;
- iv. hanya majikan yang berkeupayaan dan mematuhi standard perburuhan seperti pematuhan gaji minimum, menyediakan kemudahan penginapan beserta kemudahan asas dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja dipertimbangkan kelulusan pekerja asing. Keupayaan majikan ditentukan melalui proses saringan dan pemeriksaan oleh Jabatan Tenaga Kerja;
- v. mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja tempatan, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System* dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif mekanisasi dan automasi, restoran berkonsepkan layan diri dan sebagainya;

SOALAN NO : 42

- vi. program *Technical and Vocational Education and Training* untuk warga tempatan diperkasakan bagi melahirkan individu berkemahiran tinggi selaras dengan hasrat Negara untuk beralih daripada industri berintensif buruh kepada *high end industry*; dan
- vii. pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja.

Selain daripada itu, sebagai langkah jangka panjang, Kerajaan juga berusaha menggalakkan bakat tempatan termasuk anak muda menyertai sektor yang bergantung tinggi kepada pekerja asing seperti pembinaan, pertanian dan perladangan. Dalam usaha menggalakkan anak muda menyertai sektor ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan berkaitan industri pembinaan, pertanian dan perladangan.

Selain menyenaraikan keperluan kompetensi, Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan juga secara jelas memperincikan potensi dan laluan kerjaya dalam sektor pembinaan, pertanian dan perladangan yang dapat dijadikan rujukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
(BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi menjelaskan tafsiran berkenaan pemberian kerakyatan kepada anak yang lahir kepada ibu atau ayah yang merupakan warganegara Malaysia dan status pembentangan cadangan pindaan tersebut kepada Majlis Raja-Raja.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin menjelaskan bahawa KDN amat komited dan telah mengambil inisiatif memulakan usaha untuk mengkaji dan meneliti cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan terutamanya perkara yang terkandung dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hubungan yang sama, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Pindaan Perlembagaan Persekutuan Berhubung Isu-Isu Kewarganegaraan bagi meneliti dan mengkaji aspek-aspek berkaitan pindaan kepada Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Cadangan pindaan ini adalah merupakan keputusan dasar yang perlu dibuat oleh Kerajaan dan ia perlu mendapat perkenan Majlis Raja-Raja terlebih dahulu selaras dengan peruntukan Perkara 159(5), Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah hasil lawatan ke Thailand untuk mengkaji amalan perubatan alternatif yang menggunakan ganja seperti yang diamalkan di sana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, Lawatan Bilateral Kesihatan ke Bangkok, Thailand telah berjaya mencapai matlamatnya dalam memberi pendedahan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk meneliti penggunaan kanabis dan ketum di Thailand sebelum dipertimbangkan untuk meneroka potensi penggunaan kanabis dan ketum dalam bidang kesihatan di Malaysia.
2. Lawatan bilateral kesihatan ke Bangkok, Thailand adalah bertujuan untuk memberi peluang KKM mengadakan pertemuan dengan pemain penting dalam industri kanabis dan ketum bagi melihat amalan, kaedah penanaman, kajian serta penggunaan kanabis dan ketum bagi tujuan kesihatan di negara tersebut.

SOALAN NO. 44

3. Buat masa ini, pihak Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) sedang mengumpul dan meneliti beberapa amalan klinikal penggunaan kanabis perubatan yang diamalkan oleh negara Thailand dan beberapa negara lain. Selain itu, terdapat beberapa projek penyelidikan percubaan klinikal sedang dirangka oleh kumpulan pakar perubatan KKM berhubung penggunaan kanabis dalam merawat pesakit seperti *chronic pain* dan *pain in cancer*.

4. Satu penyelidikan bertajuk “Sikap dan Kepercayaan Terhadap Penggunaan Kanabis Perubatan di Kalangan Pengamal Perubatan di Malaysia” (Research ID: RSCH ID-22-04243-B8R) juga telah didaftarkan di dalam National Research Medical Register (NMRR). Penyelidikan ini melibatkan 456 pengamal perubatan untuk mengenal pasti sikap dan kepercayaan terhadap penggunaan kanabis perubatan dalam kalangan pengamal perubatan di Malaysia. Hasil penyelidikan ini akan menjadi penanda aras terhadap persepsi penggunaan kanabis perubatan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

Puan Isnaraissah Munirah Majilis (Kota Belud) minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pembinaan, garis masa yang ditetapkan dan kos yang terlibat bagi jalan raya kampung Lahanas Gendukut Tengkurus, Jalan Sayap Terintidon Nahaba, Jalan Dudar Taburon Mendawang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek yang disebutkan merupakan projek di bawah Program Jalan Luar Bandar iaitu Projek Naiktaraf Jalan Tengkurus Lahanas Siba – Lahanas Sokid, Projek Naiktaraf Jalan Sayap dan Projek Menaiktaraf Jalan Dudar – Taburan – Mendawang, Kota Belud, Sabah.

Projek Naiktaraf Jalan Tengkurus Lahanas Siba – Lahanas Sokid, Kota Belud, Sabah telah diluluskan pada tahun 2020 dengan kos keseluruhan sebanyak RM67 juta dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan. Pelantikan kontraktor telah dimuktamadkan dan pembinaan projek ini akan bermula pada bulan November tahun 2022.

Bagi Projek Naiktaraf Jalan Sayap, Kota Belud, Sabah pula, projek ini telah diluluskan pada tahun 2021 dengan kos sebanyak RM145 juta dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan. Status semasa projek adalah dalam proses memuktamadkan pelantikan kontraktor. Jangkaan pelantikan kontraktor adalah pada Disember 2022.

Manakala Projek Menaiktaraf Jalan Dudar – Taburan – Mendawang, Kota Belud, Sabah telah diluluskan pada tahun 2020 dengan kos keseluruhan sebanyak RM101 juta dan tempoh pembinaan adalah selama 36 bulan. Status projek adalah dalam pembinaan dengan kemajuan fizikal 5.22% dan jangkaan siap projek pada April tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI AZALINA OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bila Kerajaan akan meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memudahkan ibu-ibu warganegara Malaysia mendapatkan kerakyatan untuk anak-anak mereka yang lahir di luar negara dan mempunyai bapa bukan warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin menjelaskan bahawa KDN amat komited dan telah mengambil inisiatif memulakan usaha untuk mengkaji dan meneliti cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan terutamanya perkara yang terkandung dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hubungan yang sama, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Pindaan Perlembagaan Persekutuan Berhubung Isu-Isu Kewarganegaraan bagi meneliti dan mengkaji aspek-aspek berkaitan pindaan kepada Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Cadangan pindaan ini adalah merupakan keputusan dasar yang perlu dibuat oleh Kerajaan dan ia perlu mendapat perkenan Majlis Raja-Raja terlebih dahulu selaras dengan peruntukan Perkara 159(5), Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah kejayaan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dalam mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan harian rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, usaha Kerajaan dalam menangani kenaikan harga barangan menggunakan pelbagai pendekatan. Bank Negara Malaysia (BNM) akan menggunakan pendekatan dasar moneteri. Manakala agensi kerajaan akan membantu rakyat menghadapi kenaikan harga dengan pendekatan pemberian subsidi, kawalan harga dan penguatkuasaan undang-undang Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP). Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang telah ditubuhkan pada 29 Jun 2022 diketuai oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia. Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi memberi penekanan dan tumpuan terhadap strategi yang memberi impak segera dengan memberi perhatian kepada usaha untuk memastikan kenaikan inflasi adalah terkawal. Tujuan penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi adalah untuk mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai bagi merangka strategi serta mengkoordinasi naratif dan tindakan penyelesaian isu-isu berkaitan inflasi dan kenaikan harga barang dengan berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi pelbagai keputusan penting telah diambil dan dilaksanakan. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Meneruskan kawalan harga ayam dan telur ayam serta pemberian subsidi penternakan yang dianggar sebanyak RM1.1 bilion;
- (ii) Meneruskan kawalan harga minyak masak sawit tulen kemasan botol 1 kg, 2 kg, 3 kg dan 5 kg secara harga siling bergerak berdasarkan harga minyak sawit mentah dunia;
- (iii) Meneruskan kawalan harga bagi komoditi seperti beras dan gula putih bertapis walaupun harga komoditi tersebut serta harga gas asli merupakan antara faktor kos utama dalam input pengeluaran

meningkat;

- (iv) Meneruskan pemberian subsidi bahan api dan tenaga kepada produk petroleum iaitu RON95, diesel dan gas cecair asli dengan jumlah subsidi lebih RM31 bilion. Kerajaan turut memberi subsidi tarif elektrik sebanyak RM5.8 bilion bagi mengawal kenaikan tarif elektrik walaupun harga bahan api dan gas dunia meningkat;
- (v) Meneruskan subsidi minyak masak paket 1 kg pada kadar RM2.50 berbanding harga sebenar 1 kg sebanyak RM7 hingga RM9;
- (vi) Pewartaan larangan eksport minyak sawit tulen dalam kemasan polibeg. Ini bagi mengelak kekeliruan dengan minyak masak polibeg bersubsidi;
- (vii) Memperluaskan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) kepada semua Dewan Undangan Negeri (DUN). Sebanyak 512 DUN atau 80.1% daripada 639 DUN telah bermula PJMKM semenjak pertengahan Ogos 2022. Keluarga Malaysia boleh mendapatkan barangan sehingga 20% lebih murah daripada harga pasaran setempat. Harga yang murah ini adalah manfaat secara langsung subsidi harga melibatkan peruntukan RM100 juta;
- (viii) Mengadakan program jualan murah di institut pengajian tinggi awam (IPTA) atau PJMKM@Kampus. Program ini melibatkan kerjasama dengan koperasi universiti dan pusat keusahawanan di 20 IPTA;
- (ix) IPTA memperkenalkan Menu Keluarga Malaysia. Justeru Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan program Bakul Makanan Siswa Keluarga Malaysia yang berharga RM3.50;
- (x) Jemaah Menteri pada 10 Ogos 2022 bersetuju dengan cadangan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi untuk menurunkan kadar sewaan 10% sehingga 20% kepada peniaga yang menyewa premis perniagaan milik agensi kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kadar sewaan yang lebih rendah adalah dialu-

alukan. Inisiatif terbaharu ini akan memberi manfaat kepada lebih 5,766 premis perniagaan di Kuala Lumpur. KPT telah melaksanakan inisiatif ini dengan memberikan pengecualian bayaran sewaan selama 6 bulan. Kerajaan berharap dengan adanya inisiatif ini kos perniagaan akan menjadi lebih kompetitif. Harapan kerajaan adalah supaya harga tidak dinaikkan serta diturunkan;

- (xi) Pelaksanaan operasi bersepadu KPDNHEP bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bagi menangani ketirisan minyak masak bersubsidi ke luar negara; dan
- (xii) Pelancaran Kempen Jualan Murah Keluarga Malaysia @ DE DAGANG (JMKM@DE DAGANG) adalah inisiatif pembiayaan bersama antara kerajaan dan rakan platform digital (e-dagang, e-bayar dan ekonomi perkongsian), bertujuan untuk membantu perniagaan Malaysia dalam sektor sasaran seperti Pelancongan & Kraf, Halal & Pertanian dan Eksport (Jenama & Buatan Malaysia) untuk menerima pakai dan memanfaatkan platform digital untuk berkembang maju.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan keberhasilan terkini yang berjaya dicapai oleh Pasukan Jihad Tangani Inflasi dalam mengekang peningkatan kos sara hidup yang semakin mencabar dalam kehidupan rakyat masa kini. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan agar gaji minimum dapat dinaikkan kepada satu kadar gaji yang sesuai memandangkan salah satu isu yang dilihat sebagai realiti sebenar ialah kadar gaji minimum sedia ada tidak dapat menampung kos pembelian barangan perlu yang terus meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, usaha Kerajaan dalam menangani kenaikan harga barangan menggunakan pelbagai pendekatan. Bank Negara Malaysia (BNM) akan menggunakan pendekatan dasar moneteri. Manakala agensi kerajaan akan membantu rakyat menghadapi kenaikan harga dengan pendekatan pemberian subsidi, kawalan harga dan penguatkuasaan undang-undang Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP). Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang telah ditubuhkan pada 29 Jun 2022 diketuai oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi memberi penekanan dan tumpuan terhadap strategi yang memberi impak segera dengan memberi perhatian kepada usaha untuk memastikan kenaikan inflasi adalah terkawal. Tujuan penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi adalah untuk mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai bagi merangka strategi serta mengkoordinasi naratif dan tindakan penyelesaian isu-isu berkaitan inflasi dan kenaikan harga barang dengan berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi pelbagai keputusan penting telah diambil dan dilaksanakan. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Meneruskan kawalan harga ayam dan telur ayam serta pemberian subsidi penternakan yang dianggar sebanyak RM1.1 bilion;
- (ii) Meneruskan kawalan harga minyak masak sawit tulen kemasan botol 1 kg, 2 kg, 3 kg dan 5 kg secara harga siling bergerak berdasarkan harga minyak sawit mentah dunia;
- (iii) Meneruskan kawalan harga bagi komoditi seperti beras dan gula putih bertapis walaupun harga komoditi tersebut serta harga gas asli merupakan antara faktor kos utama dalam input pengeluaran meningkat;
- (iv) Meneruskan pemberian subsidi bahan api dan tenaga kepada

produk petroleum iaitu RON95, diesel dan gas cecair asli dengan jumlah subsidi lebih RM31 bilion. Kerajaan turut memberi subsidi tarif elektrik sebanyak RM5.8 bilion bagi mengawal kenaikan tarif elektrik walaupun harga bahan api dan gas dunia meningkat;

- (v) Meneruskan subsidi minyak masak paket 1 kg pada kadar RM2.50 berbanding harga sebenar 1 kg sebanyak RM7 hingga RM9;
- (vi) Pewartaan larangan eksport minyak sawit tulen dalam kemasan polibeg. Ini bagi mengelak kekeliruan dengan minyak masak polibeg bersubsidi;
- (vii) Memperluaskan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) kepada semua Dewan Undangan Negeri (DUN). Sebanyak 512 DUN atau 80.1% daripada 639 DUN telah bermula PJMKM semenjak pertengahan Ogos 2022. Keluarga Malaysia boleh mendapatkan barangan sehingga 20% lebih murah daripada harga pasaran setempat. Harga yang murah ini adalah manfaat secara langsung subsidi harga melibatkan peruntukan RM100 juta;
- (viii) Mengadakan program jualan murah di institut pengajian tinggi awam (IPTA) atau PJMKM@Kampus. Program ini melibatkan kerjasama dengan koperasi universiti dan pusat keusahawanan di 20 IPTA;
- (ix) IPTA memperkenalkan Menu Keluarga Malaysia. Justeru Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan program Bakul Makanan Siswa Keluarga Malaysia yang berharga RM3.50;
- (x) Jemaah Menteri pada 10 Ogos 2022 bersetuju dengan cadangan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi untuk menurunkan kadar sewaan 10% sehingga 20% kepada peniaga yang menyewa premis perniagaan milik agensi kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kadar sewaan yang lebih rendah adalah dialu-alukan. Inisiatif terbaharu ini akan memberi manfaat kepada lebih 5,766 premis perniagaan di Kuala Lumpur. KPT telah melaksanakan inisiatif ini dengan memberikan pengecualian bayaran sewaan selama 6 bulan. Kerajaan berharap dengan adanya inisiatif ini kos perniagaan akan menjadi lebih kompetitif. Harapan kerajaan adalah supaya harga tidak dinaikkan serta

- diturunkan;
- (xi) Pelaksanaan operasi bersepadu KPDNHEP bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bagi menangani ketirisan minyak masak bersubsidi ke luar negara; dan
 - (xii) Pelancaran Kempen Jualan Murah Keluarga Malaysia @ DE DAGANG (JMKM@DE DAGANG) adalah inisiatif pembiayaan bersama antara kerajaan dan rakan platform digital (e-dagang, e-bayar dan ekonomi perkongsian), bertujuan untuk membantu perniagaan Malaysia dalam sektor sasaran seperti Pelancongan & Kraf, Halal & Pertanian dan Eksport (Jenama & Buatan Malaysia) untuk menerima pakai dan memanfaatkan platform digital untuk berkembang maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, penetapan kadar gaji minimum adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian saya. Soalan ini hanya dijawab oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN (SELANGAU)

TARIKH : 4.10.2022 (SELASA)

SOALAN

Tuan Baru Bian (Selangau) minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada pelanggaran prinsip Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asli (UNDRIP) terus berlaku di negara ini. Mengapakah Kerajaan tidak menyokong dan melaksanakan UNDRIP, yang mana Malaysia telah mengundi untuk menerima pakai pada tahun 2007. Adakah Kerajaan berhasrat untuk berbuat demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah menandatangani Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal (*United Nations Declaration on the Rights of Indigenous People - UNDRIP*) yang dibentangkan semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-61 pada 13 September 2007.

Meskipun Deklarasi ini bukanlah satu komitmen antarabangsa yang berbentuk mengikat dari segi undang-undang, namun sokongan Malaysia terhadap Deklarasi ini adalah satu manifestasi dasar Kerajaan yang menitikberatkan kepentingan untuk melindungi hak Orang Asli di negara ini.

Kerajaan telah melaksanakan hampir kesemua artikel tersebut melalui dasar atau perundangan khusus kerana kehendak artikel-artikel tersebut selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan perundangan serta dasar sedia ada Negara.

Antara prinsip utama deklarasi yang sentiasa dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah *free, prior inform and consent* (FPIC) atau maklum awal, telus, bebas dan izin dalam pelaksanaan pembangunan yang melibatkan Orang Asli.

Selain itu, deklarasi UNDRIP juga menekankan tentang hak kesamarataan, hak kebebasan diri, serta hak kelayakan untuk menjadi Ahli Parlimen, hak kewarganegaraan, hak pendidikan serta hak menduduki tanah yang mana kesemua perkara ini telah dilaksanakan secara konsisten oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berkaitan dengan peranan dan bidang kuasa Jawatankuasa Kerja Pembangunan TAHFIZ-TVET, sejauh mana ia telah melaksana tanggungjawab dan berapa jumlah Institusi Tahfiz yang telah menerima pakai cadangan yang dikemukakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Penubuhan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Tahfiz-TVET telah dipersetujui pada Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan Bil. 3/2021 pada 29 Oktober 2021. Jawatankuasa Kerja Pembangunan Tahfiz-TVET ditubuhkan bagi membantu Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

Jawatankuasa ini dianggotai pelbagai agensi awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam memperkasa pendidikan Tahfiz-TVET di Malaysia yang akan membincang dan menentukan strategi pelaksanaan secara konstruktif. Penubuhan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Tahfiz TVET ini menunjukkan komitmen berterusan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan dalam memperluas akses latihan TVET berkualiti kepada semua lapisan masyarakat khususnya dalam melahirkan huffaz profesional berkemahiran.

Antara objektif penubuhan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Tahfiz-TVET termasuklah:

- i) melahirkan lebih ramai huffaz berkemahiran dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET);
- ii) memberi peluang dan membantu para pelajar tahfiz untuk mendapatkan latihan kemahiran yang sistematik melalui Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan; dan
- iii) melahirkan golongan teknokrat dan huffaz professional

SOALAN NO : 50

Sehingga kini, sebanyak 29 Standard/National Occupational Skills Standard telah dibangunkan meliputi pengajaran dan pengurusan tahfiz, pengurusan masjid, mutawwif, halal dan juga pelaksanaan dakwah Islam.

Dalam memastikan pelaksanaan secara holistik, Jawatankuasa Kerja ini telah membangunkan Kerangka dan Pelan Tindakan Pembangunan Tahfiz-TVET. Pelan Tindakan ini akan menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan tahfiz-TVET di Malaysia. Pelbagai pendekatan/model pelaksanaan sedia ada melibatkan kerjasama di antara institusi tahfiz dengan Insitusi TVET atau Pusat Bertauliah dalam melahirkan pelajar tahfiz berdasarkan Standard/National Occupational Skills Standard. Pelaksanaan ini akan ditambahbaik merujuk kepada Kerangka dan Pelan Tindakan Pembangunan Tahfiz-TVET.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

TARIKH : 3 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah mangsa sindiket pemerdagangan orang yang dieksploitasi di luar negara sepanjang tahun 2021 hingga Ogos 2022 dan berapa jumlah mangsa yang berjaya diselamatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku peneraju Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang turut dianggotai 22 kementerian, agensi serta organisasi lain seperti badan bukan Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai bentuk tindakan bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang.

Dalam tempoh sepanjang tahun 2021 sehingga kini, tiada rekod yang diperolehi tentang rakyat Malaysia yang menjadi mangsa eksploitasi sindiket pemerdagangan orang di luar negara. Namun demikian, trend terkini menunjukkan terdapat insiden rakyat Malaysia menjadi mangsa penipuan sindiket jenayah tawaran pekerjaan di luar negara.

Dalam hal ini, sehingga kini, seramai 271 orang mangsa telah dikenal pasti dengan 100 orang mangsa telah diselamatkan dan dibawa pulang ke Malaysia.

Selain itu, kerajaan turut menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Kes-Kes Sindiket Penipuan Melibatkan Rakyat Malaysia yang dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri dalam memperkasakan usaha untuk menyelamatkan mangsa-mangsa dan membawa mereka pulang ke tanah air dengan selamat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[LUMUT]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang melaksanakan skim pencen warga mas untuk rakyat berumur 65 tahun ke atas yang tidak menerima pencen Kerajaan atau pun pencen PERKESO.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai perancangan untuk melaksanakan skim pencen warga emas berumur 65 tahun ke atas sepertimana dibangkitkan oleh YB Lumut, Kementerian berpandangan bahawa perkara ini merupakan dasar baharu yang perlu diteliti secara holistik terutamanya dari segi kesesuaian tadbir urus termasuklah implikasi perundangan dan kewangan yang akan wujud.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

TARIKH JAWAB : 4 OKTOBER 2022 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi memastikan rakyat benar-benar mampu untuk memiliki hartanah bagi mengelakkan hartanah yang tidak terjual semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan rakyat memiliki rumah selaras dengan matlamat “Satu Keluarga, Satu Rumah”. Antara inisiatif yang telah diambil di bawah Program Pemilikan Kediaman atau Home Ownership Programme (HOPE), KPKT adalah seperti berikut:

- (i) Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM)**

KPKT telah dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras utama kepada agensi penyedia perumahan di peringkat Kementerian/ Agensi Persekutuan, kerajaan negeri dan sektor swasta bagi memastikan penyediaan 500,000 unit RMM berjaya dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Sehingga kini, sebanyak 386,078 unit RMM telah dirancang pembinaannya di seluruh negara;

(ii) Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya)

KPKT dengan kerjasama Kementerian Kewangan telah melancarkan Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya) pada 14 April 2022. i-Biaya pada masa ini menawarkan tiga (3) jenis skim pembiayaan kepada kumpulan sasaran. Kumpulan sasaran dalam kalangan golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau kumpulan gig ekonomi melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), pembeli rumah pertama mengikut julat pendapatan isi rumah di bawah Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Rent-to-Own menerusi Perbadanan PR1MA Malaysia (RTO PR1MA).

Pencapaian setiap skim adalah seperti berikut:

- a. SJKP ditawarkan oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad menerusi bank – bank terpilih. Sehingga 30 Jun 2022, sebanyak 637 permohonan pembiayaan perumahan telah diluluskan menerusi SJKP. Skim SJKP ini telah berjaya membantu 13,299 peminjam dengan pinjaman bernilai RM1.53 billion sejak ia dilaksanakan pada tahun 2008;
- b. berdasarkan data yang dilaporkan sehingga 30 Mei 2022, sebanyak 73,839 pinjaman pembiayaan telah diluluskan di bawah skim SRP yang ditawarkan oleh Cagamas SRP

Berhad. Sejak SRP dilancarkan pada Mac 2011, sebanyak 73,839 pinjaman telah diluluskan dengan nilai pinjaman keseluruhan sebanyak RM16.6 billion; dan

- c. bagi Skim RTO, sehingga 15 Jun 2022, sebanyak lapan (8) unit telah ditempah bagi pembiayaan menerusi RTO ini dengan nilai keseluruhan pembiayaan berjumlah RM2,444,148.

(iii) Karnival Jom Beli Rumah

Program Karnival Jom Beli Rumah (KJBR) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Julai 2022 untuk menguar-uarkan bekalan RMM sedia ada serta meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat. Jelajah HOPE dan KJBR akan diperluaskan ke seluruh negara dan telah bermula di Wilayah Utara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diterima dari REHDA pada 2 Ogos 2022, KJBR tersebut telah berjaya menarik 99 transaksi dengan hasil jualan bernilai RM44.22 juta. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada pemaju-pemaju yang menyertai KJBR Wilayah Utara pula, sebanyak 2,289 unit telah ditawarkan. Daripada jumlah ini, 1,365 unit rumah di bawah RM300,000.00 ditawarkan, manakala baki 924 unit adalah hartanah melebihi RM300,000.00.

Sekian, terima kasih.